

Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia

The Use of Social Media as a New Media and Its Impact on Malaysian Society

Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi & Intan Suria Hamzah

Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Email: adilf9838@gmail.com

Published: 15 December 2023

To cite this article (APA): Mohd Hamizi, M. A. F., & Hamzah, I. S. . (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 24-37. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.3.2023>

Abstrak

Media Sosial boleh diklasifikasikan sebagai media baharu dalam kehidupan masyarakat masa kini. Perkembangan teknologi digital menyebabkan wujudnya media sosial di dalam dunia siber. Medium ini juga merupakan salah satu bentuk interaksi yang baharu dalam kehidupan masyarakat kerana boleh berhubung tanpa perlu bersemuka dan berada di dunia maya. Media sosial juga dapat memudahkan segala urusan masyarakat sama ada urusan peribadi mahupun urusan pekerjaan. Walau bagaimanapun, kewujudannya juga mampu memberi ancaman kepada masyarakat sekiranya disalahgunakan seperti jenayah siber, provokasi, fitnah dan sebagainya. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui faktor penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat, mengenal pasti impak penggunaan media sosial dan langkah-langkah bagi membendung penyalahgunaan media sosial. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu data sekunder seperti laporan dari web rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), akhbar dan artikel jurnal bagi memperoleh maklumat. Hasil kajian mendapati bahawa faktor penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat adalah didorongi oleh faktor rangkaian sosial yang luas, komunikasi dan interaksi, perkongsian dan pencarian maklumat serta hiburan. Impak penggunaan media sosial juga terdiri daripada impak positif iaitu merapatkan penglibatan rakyat dengan kerajaan, medium penyampaian dakwah, perkongsian maklumat dan medium pembelajaran. Manakalah impak negatif pula menunjukkan wujudnya masalah perkembangan fizikal, keruntuhan akhlak dan akidah serta ancaman jenayah siber. Oleh itu, kawalan kerajaan dan peranan individu dalam menggunakan media sosial ini perlu diperkukuhkan bagi meminimumkan ancaman terhadap keselamatan peribadi dan keselamatan negara.

Kata Kunci: media sosial, media baharu, komunikasi, masyarakat, Malaysia.

Abstract

Social media can be classified as a new media in the life of contemporary society. The development of digital technology has led to the existence of social media in the cyber world. This medium is also a new form of interaction in people's lives because it allows connectivity without the need for face-to-face interaction, existing in the virtual world. Social media can also facilitate various aspects of societal affairs, whether personal or professional. However, its existence can pose a threat to society if misused, leading to issues such as cybercrime, provocation, defamation, and more. This study aims to understand the factors influencing the use of social media among the public, identify the impacts of social media usage, and propose measures to curb its misuse. The study employs a qualitative method using secondary data such as reports from the official website of the Malaysian Communications and Multimedia Commission (SKMM), newspapers, and journal articles to gather information. The findings of the study indicate that factors driving the use of social media in society are influenced by a broad social network, communication and interaction, information sharing and searching, as well as entertainment. The impacts of social media usage include positive effects such as closer citizen engagement with the government, a medium for conveying religious messages, information sharing, and a learning platform. On the other hand,


negative impacts reveal the existence of issues related to physical development, moral and religious degradation, and the threat of cybercrime. Therefore, government control and the role of individuals in using social media need to be strengthened to minimize threats to personal safety and national security.

Keywords: social media, new media, communication, society, Malaysia.

PENGENALAN

Media sosial merupakan salah satu bentuk teknologi yang digunakan oleh masyarakat kini dalam kehidupan seharian untuk berinteraksi antara satu sama lain, menjadi medium penting dalam kehidupan seharian masyarakat serta memudahkan urusan peribadi ataupun pekerjaan. Penggunaan media sosial adalah bersifat menyeluruh iaitu digunakan di setiap peringkat umur sama ada kanak-kanak, remaja, dewasa mahupun warga emas. Kemudahan jaringan internet yang semakin meluas dan tanpa sempadan menyebabkan berlakunya peningkatan penggunaannya setiap tahun.

Kewujudan media sosial adalah disebabkan berlakunya perkembangan teknologi digital dalam dunia siber. Media sosial juga boleh dikategorikan sebagai 'Media Baharu' iaitu merujuk kepada media interaktif atau multimedia serta tidak menghadapi apa juga sekatan ke atas transmisi yang melampaui jarak dan waktu. Menurut Ruzian et al., (2019), media baharu merupakan platform pendidikan yang unik dan fleksibel dalam penyampaian ilmu secara berkesan. Antara platform media sosial yang digunakan oleh masyarakat dalam kehidupan seharian termasuklah *Facebook, Instagram, Whatsapp, Twitter, TikTok, YouTube*, Blog dan sebagainya. Dengan kewujudan media baharu ini, ia lebih memudahkan masyarakat untuk berinteraksi antara satu sama lain tanpa perlu bersemuka dan boleh dilakukan secara dalam talian. Di Malaysia, penggunaan media sosial bukanlah sesuatu yang baharu, bilangan pengguna media sosial semakin meningkat dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh *DateReportal:Global Digital Insight* (2023), penggunaan media sosial di Malaysia setakat Januari 2023 adalah seramai 26.8 juta iaitu 78.5 % daripada jumlah penduduk. Berdasarkan statistik tersebut, antara media sosial yang mencatatkan penggunaan jumlah tertinggi adalah *Whatsapp, Facebook* dan *Instagram*. Rajah 1 di bawah menunjukkan statistik penggunaan media sosial di Malaysia.



Sumber: *DateReportal Global Digital Insight* (2023)

Rajah 1: Statistik penggunaan media sosial di Malaysia

Berdasarkan rajah 1, platform yang paling tinggi jumlah penggunanya ialah *Whatsapp* iaitu sebanyak 93.3%, manakala *Facebook* di tempat kedua sebanyak 88.7% , *Instagram* di tempat ketiga sebanyak 79.3% dan media sosial yang paling rendah digunakan adalah *I Message* iaitu sebanyak 16.7% pengguna. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan media sosial di Malaysia mencatatkan jumlah yang tinggi. Penggunaan media sosial dijangka akan terus meningkat pada tahun-tahun akan datang dan menyebabkan fungsi asal media sosial akan terus berkembang ke arah fungsi-fungsi yang baharu dan bersifat lebih pelbagai seperti *Instagram*, *Facebook*, *Youtube* dan *TikTok* telah dimanfaatkan sebagai media pendidikan atau pembelajaran digital (Yuni, 2021).

Media sosial telah memudahkan urusan manusia dalam pelbagai keadaan seperti mengetahui berita dalam dan luar negara, perniagaan, pendidikan, pembelajaran, perbankan, pindahan wang, laporan cuaca dan sebagainya. Maklumat di media sosial hanya boleh diakses di hujung jari. Sejarah awal media massa diperkenalkan pada tahun 1978 iaitu melalui papan buletin. Ianya merupakan aplikasi terawal berfungsi untuk memuat turun maklumat dan komunikasi melalui surat elektronik serta menyebarkan maklumat kepada masyarakat (Stephanie Juanita, 2022). Menurut Harian Metro (2023, 13 Februari), penggunaan media sosial dalam kalangan rakyat Malaysia adalah sekitar tujuh hingga lapan jam sehari. Hal ini menjadikan Malaysia antara negara paling tinggi menggunakan media sosial iaitu berada di tempat kedua bagi negara paling banyak menggunakan platform media sosial di dunia dan berkongsi kedudukan yang sama dengan negara Filipina. Justeru, dapat dilihat bahawa penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat adalah aktif dan mendapat sambutan dari aspek penggunaannya.

Kewujudan dan penggunaan media baharu telah memberi impak kepada diri pengguna, masyarakat dan negara. Disamping mempunyai pelbagai impak positif yang diperoleh daripada kewujudan media baharu seperti media sosial, ianya juga boleh mendatangkan impak negatif sekiranya berlaku penyalahgunaan terhadap media. Penyalahgunaan media sosial ini dapat mewujudkan isu-isu seperti jenayah siber, kebebasan bersuara tanpa batasan, penyebaran maklumat palsu, fitnah, provokasi, isu agama dan sebagainya. Masyarakat juga menggunakan medium media sosial sebagai platform untuk menyatakan pandangan dan menzahirkan rasa tidak puas hati melalui perkataan-perkataan yang tidak bermoral. Maklumat bebas yang ada di dalam media sosial boleh mengganggu keharmonian dan ketenteraman masyarakat dalam sesebuah negara (Syed Mohammad Hilmi et al., 2022). Oleh itu, beberapa langkah perlu diambil kerajaan bagi memastikan perkembangan dan kewujudan media baharu ini sentiasa dalam keadaan terkawal dan dapat mengurangkan penyalahgunaannya dalam kalangan masyarakat. Artikel ini membincangkan faktor penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat, mengenalpasti impak penggunaan media sosial dan langkah-langkah bagi membendung penyalahgunaan media sosial.

SOROTAN KAJIAN

Media sosial merupakan intipati utama dalam kajian ini. Oleh itu, kajian ini membahagikan sorotan literatur kepada tiga tema utama perbincangan iaitu kewujudan media baharu, penggunaan media sosial dan penyalahgunaan media sosial.

Kewujudan Media Baharu

Seiring dengan perubahan masa, perkembangan teknologi maklumat juga mengalami satu perubahan yang sangat ketara. 'Media Baharu' adalah istilah yang digunakan merangkumi digital, komputer atau jaringan teknologi informasi dan komunikasi abad ke-20 (Mashitah et al., 2022). Media baharu juga merupakan media yang terbentuk daripada interaksi antara manusia dengan komputer, khususnya internet. Internet terus berkembang sehingga wujudnya media baharu yang merujuk kepada penekanan bentuk dan konteks budaya dalam teknologi komputer (Astrid & Irwansyah, 2021). Media baharu juga merupakan sebuah teknologi baru yang mampu meluaskan penyebaran informasi kepada masyarakat. Perkembangan media baharu telah mewujudkan rangkaian media sosial dengan mengubah cara komunikasi dan interaksi dalam masyarakat. Masyarakat telah bergerak tanpa sempadan atau batasan waktu walau di mana mereka berada. Hal ini merupakan kesan perkembangan kemajuan sains dan teknologi dalam komunikasi.

Kewujudan media baharu juga merupakan salah satu gerbang revolusi media yang menggabungkan pelbagai platform media sosial. Rangkaian sosial seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram*, *Blogspot*, *Youtube* dan *Tik Tok* adalah contoh-contoh media sosial yang sangat popular penggunaannya pada masa kini. Menurut kajian Ruzian et al., (2019), media baharu dilihat lebih menonjol berbanding media tradisional atau media lama seperti media cetak, media elektronik, media siaran (tv, radio) dan media interpersonal yang lain. Selain itu, maklumat yang terhasil jelas berbeza daripada media sedia ada seperti zaman percetakan dan penyiaran kerana media baharu mempunyai beberapa ciri yang tidak dimiliki oleh media sedia ada yang lain iaitu rangkaian digital, capaian global, interaktiviti dan komunikasi ramai kepada ramai. Di samping itu, kajian ini mendapati bahawa media baharu menggabungkan semua elemen komunikasi yang penting iaitu lisan, tulisan, visual, data dan bunyi.

Menurut kajian Abd Hadi (2018), perkembangan media baharu banyak dikaitkan dengan pembangunan internet di Malaysia. Jaringan internet dimulakan sebagai rangkaian awal yang digunakan oleh para saintis dan golongan intelek untuk saling berhubungan bagi mendapatkan maklumat dan bertukar pandangan. Manakala, pengguna internet awal adalah dalam kalangan pengguna yang berpendidikan tinggi dan bekerja sebagai profesional, pengurus, pentadbir dan ahli akademik. Di Malaysia jaringan internet telah dibangunkan di seluruh negara melalui *Institute of Microelectronic System* (MIMOS) bermula tahun 1980. Selain itu, kerajaan telah memberikan peruntukan melalui rancangan Malaysia kelapan dan kesembilan (RMK-8 dan RMK-9) untuk meluaskan teknologi komunikasi dan maklumat di pusat pengajian tinggi serta sekolah bagi meningkatkan kadar literasi komputer dan mengurangkan jurang digital. Melalui usaha kerajaan menerusi RMK-8 dan RMK-9, pemilikan dan kebolehan akses internet dalam kalangan masyarakat di Malaysia menjadi semakin baik pada setiap tahun.

Penggunaan Media Sosial

Kewujudan media baharu telah merancakkan lagi penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat kini. Di Malaysia, penggunaan rangkaian media sosial bukanlah sesuatu yang baru, media sosial bukan sahaja digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah atau universiti dan masyarakat umum, malah ia juga turut digunakan oleh agensi kerajaan dan bukan kerajaan sebagai salah satu media baru untuk menyampaikan maklumat terkini (Filyntiana et al., 2020). Kajian ini juga mendapati bahawa jaringan sosial yang paling popular dan menjadi *trend* dalam masyarakat kini adalah *Facebook*. Media sosial dan internet merupakan satu keperluan bagi melengkapi gaya hidup masa kini yang bersifat digital. Menurut Azul & Nurul Madiha (2017), aplikasi media sosial seperti *Facebook*, *Whatsapp*, *Instagram* dan *Twitter* memberi kesan baru kepada pengguna untuk lebih aktif berinteraksi dengan pelbagai khalayak. Kajian ini juga mendapati bahawa pengguna lebih kerap menggunakan *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* setiap hari untuk berinteraksi, mendapatkan maklumat berkaitan dengan perniagaan secara dalam talian, resepi masakan serta pengurusan dalam organisasi dengan lebih cepat.

Kajian Mohd Sobhi et al., (2016) mendapati bahawa golongan belia adalah kelompok utama pengguna media sosial di Malaysia. Hal ini turut dibuktikan melalui *DateReportal Digital Global Insight* (2023) yang menunjukkan bahawa pengguna media sosial paling ramai adalah berumur dari 18 hingga 44 tahun. Antara lain, kajian ini juga mendapati bahawa golongan wanita adalah golongan yang aktif menggunakan media sosial iaitu lebih lima kali sehari. Tambahan pula, secara majoriti aplikasi *Whatsapp* dan *Facebook* merupakan media sosial yang kerap digunakan terutamanya ketika berehat dan bersendirian.

Melalui sorotan yang telah dibincangkan berkenaan penggunaan media sosial menunjukkan bahawa masyarakat sangat bergantung kepada media sosial dalam kehidupan seharian mereka dengan pelbagai tujuan dan perkara. Ia bertepatan dengan teori Kebergantungan Media. Teori ini mengandaikan bahawa seseorang individu bergantung kepada media untuk memenuhi keperluan dan mencapai matlamatnya tetapi tidak bergantung kepada banyak atau pelbagai media (Muhammad Adnan, Siti Zobidah & Akmar Hayati, 2019). Dalam konteks kajian ini, masyarakat atau pengguna bergantung kepada media internet sebagai sumber utama. Mereka ingin mendapatkan keperluan seperti hiburan, informasi, berita, permainan, pendidikan dan lain-lain. Kemudahan dan rangkaian internet yang kian menyeluruh membolehkan mereka menggunakan media sosial secara bebas dan bergantung kepadanya dalam tempoh waktu yang panjang dalam sehari malah adakalanya sehingga tiada had waktu.

Penyalahgunaan Media Sosial

Perkembangan dan kewujudan media sosial juga memberi kesan terhadap fungsi penggunaannya. Selain daripada kesan baik dengan kewujudan media sosial sebagai media baharu, terdapat juga isu-isu berbangkit yang berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial. Kajian yang dijalankan oleh Syed Mohammad Hilmi et al., (2022) adalah berkaitan tentang penggunaan media sosial baharu, isu-isu dan panduan perspektif Islam. Kajian ini mendapati wujud pelbagai isu atau kes yang berkaitan dengan penyalahgunaan media sosial seperti buli siber, kebebasan bersuara tanpa batas, penyebaran maklumat palsu dan perkongsian secara berlebihan. Perkara ini juga dibahasakan di dalam kajian Ivan et al., (2023) iaitu golongan remaja pada hari ini meluahkan lebih banyak masa dengan aplikasi media sosial menyebabkan mereka meluahkan segala yang difikirkan oleh mereka ke dalam media sosial seperti menghina dan memaki hamun kerajaan serta membangkitkan kebencian kaum.

Mohammad Rafiuddin et al., (2019) mendapati bahawa selain menjadi tempat penyebaran berita atau maklumat palsu, media sosial juga dilihat sebagai medan atau alat untuk menyebarkan fitnah bagi menjatuhkan atau memalukan seseorang. Antara lain di dalam kajian ini juga menyatakan bahawa golongan remaja gemar melayari laman-laman web yang berunsur negatif seperti pornografi, menjadi mangsa penipuan dalam talian seperti 'Love Scam' dan buli siber. Selain itu, media sosial ini boleh disalahgunakan untuk kepentingan peribadi dan penipuan atas talian.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu analisis kandungan daripada bahan terbitan dalam talian yang mempunyai keabsahan. Antara sumber-sumber sekunder yang digunakan adalah analisis kandungan daripada laporan Tahunan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), mendapatkan maklumat semasa daripada portal rasmi SKMM, merujuk artikel jurnal seperti Jurnal Komunikasi dan akhbar *online* seperti Bernama, Harian Metro dan Kosmo. Manakala kajian lepas berkaitan dengan penggunaan media sosial dalam masyarakat turut dikaji dalam kajian ini.

Selain itu, kajian ini turut menggunakan kajian kepustakaan dalam mengumpul maklumat bagi membincangkan faktor-faktor penggunaan media sosial, impak dan langkah membendung penyalahgunaan media sosial. Kajian kepustakaan adalah usaha yang dilakukan oleh pengkaji untuk menghimpun segala informasi ataupun maklumat yang bersesuaian dan relevan dengan isu yang dikaji. Informasi yang diperlukan dalam kajian ini dapat diperolehi daripada buku-buku ilmiah, hasil penyelidikan, laporan, sumber-sumber bertulis dan teori yang mendasari kajian ini. Antara tujuan lain kajian kepustakaan adalah membuat huraian yang sistematik tentang kajian literatur serta mencari informasi atau maklumat yang relevan dan bersesuaian dengan permasalahan yang dikaji. Hasil pengumpulan data dianalisis menggunakan kaedah tematik.

HASIL DAN PERBINCANGAN


Kajian ini mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan masyarakat menggunakan media sosial, impak penggunaan media sosial dalam kehidupan dan langkah bagi membendung penyalahgunaan media sosial.

Faktor Penggunaan Media Sosial

Dalam konteks penggunaan media sosial, penyebaran maklumat dan teknologi memainkan peranan sangat penting dalam menyampaikan mesej dan mendidik masyarakat tentang isu-isu yang berkaitan dengan masalah sosial, ekonomi, politik dan agama. Pada masa ini, dunia sangat bergantung kepada teknologi bagi menghubungkan komunikasi seluruh dunia. Media sosial adalah kumpulan aplikasi dan laman web yang menghubungkan orang ramai bagi membolehkan setiap orang berkongsi maklumat dan menyedari tentang sebarang kejadian melalui rangkaian sosial.

Rangkaian Sosial yang Luas

Kewujudan laman web rangkaian sosial seperti *Facebook*, *Myspace*, *Friendster*, *Twitter*, *Whatsapp*, *Instagram*, *Wechat*, *Tik Tok* dan sebagainya merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada penggunaan media sosial. Misalnya, *Whatsapp* dan *Facebook* merupakan salah satu media sosial yang mencatatkan penggunaan tertinggi di Malaysia iaitu seramai 93.2% dan 88.7%. Secara amnya, kewujudan laman web rangkaian sosial seperti ini telah digunakan oleh semua lapisan masyarakat tidak kira sama ada golongan pelajar, surirumah, pekerja sektor awam mahupun sektor swasta (Filyntiana *et al.*, 2020). Masyarakat menggunakan rangkaian ini bagi memenuhi pelbagai tujuan, antaranya untuk meningkatkan rangkaian secara berkumpulan dan rangkaian individu. Oleh itu, masyarakat masa kini lebih cenderung untuk memuat naik rangkaian sosial ini di dalam gajet mereka. Rajah 2 menunjukkan statistik pengguna media sosial mengikut umur dan jantina di Malaysia.



Sumber: DataReportal Digital Global Insight (2023)

Rajah 2: Statistik pengguna media sosial mengikut umur dan jantina

Rajah 2 di atas menunjukkan bahawa peratusan pengguna media sosial yang paling tinggi adalah dalam kalangan masyarakat berumur 25-34 tahun, iaitu sebanyak 31.5% manakala peratusan pengguna paling rendah adalah dalam kalangan masyarakat berumur 65 tahun ke atas iaitu sebanyak 3.5%. Di samping itu, jika dilihat daripada segi jantina peratusan pengguna lelaki lebih tinggi berbanding peratusan pengguna wanita. Peratusan pengguna lelaki adalah sebanyak 50.8% manakala bagi wanita adalah sebanyak 49.2%.

Komunikasi dan Interaksi

Komunikasi dan interaksi sesama pengguna merupakan salah satu faktor pendorong kepada penggunaan media sosial oleh masyarakat masa kini. Komunikasi secara maya ini boleh berlaku antara ahli keluarga terdekat, rakan-rakan lama dan yang baharu untuk bertanya khabar dan perkembangan masing-masing. Interaksi ini penting bagi menjaga silaturrahim antara mereka dalam tempoh masa yang panjang. Tambahan pula, seseorang individu akan menggunakan laman media sosial sebagai medium utama untuk berinteraksi secara maya demi mengisi kekosongan dan kesepian diri mereka serta memperoleh kepuasan yang maksima. Perkara ini telah dibuktikan di dalam statistik yang dikeluarkan oleh *DateReportal Digital Global Insight* (2023) untuk Malaysia. Hasil laporan menunjukkan setakat Januari 2023, sebanyak 54.6 % pengguna media sosial berinteraksi dan bertanya khabar kepada keluarga dan rakan-rakan manakala seramai 52.7% pengguna mengisi kekosongan masa dengan

menggunakan media sosial. Di samping itu, menurut Filyntiana et al., (2020), kecanggihan teknologi telah mendorong kepada tindakan belia untuk terus bergantung dengan media sosial sebagai contoh dalam perbincangan yang memerlukan perkara ini bersemuka, namun mereka memilih untuk berbincang melalui aplikasi *Whatsapp*.

Selain itu, komunikasi bukan sahaja berlaku terhadap kenalan sahaja, tetapi ia juga boleh berlaku menerusi penjualan produk-produk yang dipasarkan secara dalam talian. Perkembangan media sosial telah membantu banyak pihak menempa kejayaan khususnya syarikat dan organisasi perniagaan dalam merancang dan mengurus strategi pemasaran mereka (Intan, 2021). Sebagai contoh, komunikasi melalui *Facebook*, *Instagram*, *Whatsapp* dan *TikTok* yang berlaku di antara pelanggan dan peniaga di era globalisasi ini telah memudahkan interaksi dalam memperkenalkan jenama yang dijual dengan lebih meluas. Hal ini boleh menyebabkan peniaga atau penjual membangunkan produk atau jenama mereka sendiri dengan lebih kukuh melalui ruang pasaran yang besar dan percuma. Maka, kemudahan berkomunikasi dan berinteraksi sesama masyarakat menjadi salah satu faktor penting kepada penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat masa kini.

Pencarian dan Perkongsian Maklumat

Media sosial juga menjadi sebagai salah satu medium yang digunakan oleh masyarakat masa kini untuk mencari dan berkongsi maklumat antara satu sama lain. Perkara sebegini merupakan suatu kelebihan kepada pengguna-pengguna media sosial untuk bertukar-tukar pendapat selain menimba dan berkongsi ilmu baharu secara maya. Secara umumnya media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram* digunakan untuk medium berkomunikasi dalam masyarakat, bersosial serta sebagai sumber maklumat kepada pengguna (Intan Suria, 2021). Media sosial telah menjadi satu platform atau medium yang mudah digunakan serta mesra pengguna untuk sesiapa sahaja berkomunikasi dan menyampaikan maklumat kepada pelbagai pengguna yang mempunyai akses internet (Filyntiana et al., 2020). Oleh itu, dengan kemudahan yang sedia ada seperti ini, pengguna masa kini hanya mencari maklumat di hujung jari sahaja.

Hiburan

Media sosial turut dikategorikan sebagai media hiburan. Antara salah satu faktor yang mendorong masyarakat kini menggunakan media sosial adalah bagi mendapatkan hiburan. Media sosial juga menyediakan hiburan dan tempat bagi individu untuk mengekspresikan minat dan hobi mereka. Contohnya, sumber-sumber hiburan kini boleh dikongsikan atau dimuat naik melalui aplikasi seperti *Facebook*, *Instagram*, *Tik Tok*, *Youtube* dan *Twitter* kepada masyarakat umum mahupun kenalan-kenalan pengguna. Selain mengikuti akaun-akaun media sosial kenalan, keluarga dan orang yang dikenali, pengguna media sosial mendapatkan hiburan dengan mengikuti akaun-akaun selebriti kegemaran mereka di media sosial. Contohnya, mereka mengikuti akaun artis-artis kegemaran, rancangan-rancangan kegemaran di *Youtube* seperti masakan, sukan, fesyen dan sebagainya bagi mendapatkan hiburan bagi mengisi masa lapang. Pada tahun 2022, sebanyak 57.8% pengguna media sosial mengikuti akaun media sosial rakan, keluarga dan orang yang dikenali, sebanyak 39.9% mengikuti akaun media sosial pelakon yang diminati, kumpulan muzik dan penyanyi kegemaran (*DateReportal Digital Global Insight* (2022): Malaysia).

Faktor hiburan dianggap sebagai penyumbang yang dominan dalam menerangkan jumlah masa penggunaan dan bilangan kenalan. Hal ini dilihat berbeza dengan corak hiburan dahulu yang hanya bersandarkan kepada televisyen, akhbar dan radio sahaja. Arwansyah et al., (2023) mendapati bahawa 71% pengguna *Tik Tok* dalam kalangan mahasiswa memberikan alasan bahawa media sosial tersebut sebagai medium hiburan berbanding digunakan sebagai medium berkongsi informasi dan pembelajaran. Tambahan pula, mereka meluangkan masa selama 2 jam ke atas dalam sehari bagi menggunakan aplikasi tersebut untuk mencari hiburan. Oleh itu, hiburan telah menjadi faktor pendorong masyarakat masa kini sehingga ketagih dan tidak ingin melepaskan media sosial kerana ianya dapat menghiburkan diri dan masyarakat maya.

Impak Penggunaan Media Sosial

Media sosial mempunyai impak positif dan negatif dalam kehidupan masyarakat. Ianya boleh menjadi wadah ilmu jika digunakan sebaiknya dan menjadi buruk apabila disalah guna seperti penipuan, fitnah dan sebagainya.

Impak Positif

Walaupun media sosial bergerak sebagai medium interaksi sosial dalam masyarakat kini, ia juga turut memberikan impak dalam kehidupan pengguna. Kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa impak positif dan negatif terhadap kewujudan media sosial. Media sosial mampu merapatkan penglibatan rakyat dengan kerajaan. Kewujudan media sosial dapat memberikan maklumat terkini dengan lebih pantas dan mudah untuk dicapai oleh pengguna internet. Tambahan pula, dengan adanya *Facebook*, *Instagram*, *Youtube*, *Twitter* dan sebagainya dapat menjalinkan rangkaian antara agensi-agensi kerajaan bagi menyebarkan segala bentuk maklumat kepada masyarakat supaya mereka dapat mengetahui tentang isu-isu semasa yang sedang berlaku. Dalam erti kata lain, laman media sosial adalah sekumpulan saluran komunikasi dalam talian yang dikhaskan untuk interaksi, kolaborasi, input berasaskan komuniti, dan perkongsian kandungan (Shahrul Nazmi et al., 2019). Oleh itu, masyarakat dapat memperoleh maklumat yang sahih daripada kerajaan dengan lebih tepat dan pantas.

Menurut Syahrudin et al., (2023), media sosial memiliki dampak yang sangat besar terhadap tingkah laku seseorang. Fenomena komunikasi di era virtual menjadikan budaya hidup masa kini terikat dengan telefon bimbit dan berjaya menarik fokus manusia untuk melihat, mencari maklumat yang dikehendaki serta menggunakannya untuk tujuan kemudahan seharian seperti mengetahui berita, menimba ilmu dan urusan kerja. Media sosial telah banyak mengubah paradigma, prinsip dan pola pemikiran masyarakat khususnya generasi muda. Tingkah laku yang dulunya masih menjunjung tinggi budaya sopan santun dan adab kini telah banyak berubah dan menjadi suatu kebiasaan “negatif” yang dianggap sah. Tanpa disedari tingkah laku tersebut ada di sekitar masyarakat, bahkan mungkin telah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat.

Selain itu, media sosial merupakan salah satu alat untuk menyampaikan dakwah dan maklumat kepada masyarakat. Kewujudan media sosial menjadikan dakwah pada era ini tanpa batasan dan mampu disebarkan tanpa sempadan lokasi, masa dan lapisan masyarakat. Peranan laman rangkaian sosial untuk memberi dakwah kepada golongan remaja adalah satu perkara yang positif kerana golongan inilah yang gemar menggunakan media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *TikTok* sebagai pelengkap interaksi sosial. Media baharu seperti *Facebook* memberikan banyak perkongsian tentang Islam yang disebarkan oleh para pendakwah dan organisasi dakwah hari ini (Abd Hadi, 2018). Tambahan pula, dakwah melalui media sosial dikatakan cukup efektif kerana tidak terbatasi oleh masa, tempat, keadaan dan situasi (Noradilah et al., 2019). Ini adalah salah satu cara untuk mengajak dan mendidik para remaja untuk mengamalkannya dalam kehidupan seharian mereka dengan baik (Anis Nur Athira et al., 2022).

Kewujudan media sosial juga berfungsi sebagai medium pembelajaran. Berikutan perkembangan teknologi yang telah mewujudkan media sosial sebagai medium bagi mendapatkan maklumat dan ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan pelajar sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi. Contohnya, jika seseorang individu ingin mencari ilmu berkaitan masakan, mereka tidak lagi perlu membeli buku tentang masakan. Mereka hanya perlu mencarinya di dalam media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Youtube* sebagai sumber untuk mendapatkan ilmu masakan tersebut. Muhammad Musyrif et al., (2023) menyatakan bahawa ramai pelajar menggunakan platform *Youtube* untuk pelbagai tujuan pembelajaran termasuklah mengemukakan persoalan, memperoleh pengetahuan dan menggunakannya dalam sesi pembelajaran. Hal ini sekali gus dapat menjimatkan masa tanpa perlu ke kedai buku untuk membelinya. Maklumat hanya diperolehi di hujung jari sahaja.


Impak negatif

Walaupun media sosial dilihat sebagai satu medium yang mudah dan baik untuk digunakan oleh masyarakat kini, ia juga mampu memberi impak negatif apabila berlaku penyalahgunaan dalam mengendalikan media sosial. Penggunaan media sosial yang berlebihan boleh mengganggu perkembangan fizikal dan menjadi punca kepada masalah kesihatan seseorang. Ini kerana kebanyakan masyarakat menghabiskan masa dengan media sosial sehingga menyebabkan mereka menghabiskan masa di dalam rumah tanpa berinteraksi atau melakukan aktiviti luar. Masalah obesiti juga antara kesan besar penggunaan peranti terhadap kanak-kanak berikutan kurangnya pembabitan dalam aktiviti berbentuk fizikal. Di samping itu, jika golongan remaja terlampau taksu dengan media dan teknologi seperti telefon pintar ia akan menyebabkan golongan remaja mengalami masalah obesiti atau kegemukan (Nurhamizah & Absah, 2019). Selain itu, penggunaan media sosial yang terlalu lama dalam sehari boleh mendatangkan kesan negatif terhadap kesihatan badan seperti insomnia dan kelesuan gangguan psikologi seperti tidak dapat mengawal stress dan keresahan (Arwanysah et al., 2023).

Media sosial juga menyebabkan seseorang individu lebih cenderung kepada gejala negatif yang boleh merosakkan akhlak dan akidah. Ini kerana media sosial banyak memaparkan gambar tidak sopan dan budaya baru yang menjadi ikutan dalam kalangan masyarakat masa kini (Nurul Afiza et al., 2019). Misalnya, sesetengah remaja melayari laman web lucah atau pornografi bagi menghilangkan bosan mereka. Di samping itu, gambar atau video berbentuk pronografi dan tidak sopan sering muncul di media sosial milik pengguna sehingga mereka terpengaruh untuk melihat tayangan tersebut dengan lebih lanjut (Mega Ardina, 2021). Secara tidak langsung, tingkah laku ini akan membawa kepada ketagihan dan aktiviti tidak sihat bagi pengguna tersebut. Kebebasan dunia siber ini menyebabkan isu keruntuhan nilai kemanusiaan dan moral masyarakat kerana terdedah kepada pelbagai sumber dan bahan yang tidak bermoral seperti bahan lucah, keganasan dan sebagainya (Nur Sarida & Ahmad Rizal, 2022). Perkara ini akhirnya menyebabkan mereka terjebak dengan gejala seks bebas. Antara contoh lain yang berkaitan ialah kes penghinaan ke atas Sultan Perak melalui laman web atau blog pada tahun 2009. Sekumpulan individu didapati menulis dan menyiarkan komen yang menghina dan lucah terhadap DYMM Sultan Azlan Shah berhubung krisis politik pada waktu itu. Perkara sebegini jelas menjatuhkan nilai akidah dan akhlak sebagai masyarakat Malaysia yang bertamadun akibat daripada penyalahgunaan media sosial.

Di samping itu, penggunaan aktif media sosial juga membuka ruang kepada kewujudan ancaman dan jenayah siber. Ini kerana wujudnya sesetengah masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan menjadikan medium ini sebagai tempat untuk memenuhi kepentingan peribadi. Antara ancaman dan jenayah siber popular yang berlaku adalah buli siber, kecurian data peribadi, intipan siber, *love scam*, pornografi, *E-Mel Phising* dan penipuan secara atas talian atau *scammer*. Jenayah siber merupakan suatu bentuk jenayah baharu yang sangat rumit dalam dunia siber masa kini (Nur Sarida & Ahmad Rizal, 2022). Perkara ini menyebabkan mangsa yang terlibat berada dalam keadaan takut dan terancam. Kebanyakan jenayah penipuan siber ini turut melibatkan saluran *Facebook* sebagai titik pertemuan atau mendapatkan maklumat seseorang individu yang hendak ditipu (Intan Suria, 2021). Kes penipuan adalah kes tertinggi di mana kes pembelian dalam talian mencatatkan 246 kes dan menunjukkan peningkatan sebanyak 155 kes berbanding hanya 27 kes yang sama tahun lalu (Harian Metro, 2023, 13 Februari).

Laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) 2021 mencatatkan sejumlah 24,435 aduan daripada orang ramai mengenai isu melibatkan kandungan media baharu termasuk media sosial. Aduan berkaitan media sosial merupakan aduan tertinggi yang diterima sejak tahun 2021. Sebilangan besar kes yang dilaporkan adalah berkaitan dengan kandungan palsu, komen menyinggung atau jelic, kandungan lucah, fitnah dan pemeasaran seksual. Oleh itu, dapat dilihat bahawa kewujudan media sosial juga mampu memberikan ancaman jenayah siber sekiranya pengguna tidak peka dan bijak dalam mengendalikan media sosial mereka. Rajah 3 menunjukkan jenis aduan media baharu.



Sumber: Laporan SKMM (2021)

Rajah 3: Jenis Aduan Media Baharu

Berdasarkan rajah 3, dapat dilihat aduan yang paling tinggi oleh SKMM adalah berkaitan kandungan palsu iaitu sebanyak 47 %, manakala paling sedikit adalah fitnah iaitu 7%. Di samping itu, aduan terhadap media baharu yang paling banyak diterima adalah berkaitan media sosial. Maka, masyarakat perlu lebih berwaspada ketika menggunakan media sosial.

Langkah Membendung Penyalahgunaan Media Sosial

Penyalahgunaan media sosial menyebabkan berlakunya beberapa kesan negatif terhadap seseorang individu mahupun masyarakat. Kajian ini mengenal pasti langkah-langkah yang boleh membendung penyalahgunaan media sosial menerusi perundangan kerajaan dan peranan masyarakat.

Kerajaan

Pihak kerajaan bertindak untuk campur tangan dalam menangani penyalahgunaan media sosial. Tujuan utama kerajaan campur tangan dalam media sosial adalah untuk menjadikan media sosial sebagai satu medium yang harmoni dan mesra rakyat iaitu tanpa ada unsur-unsur penyalahgunaan media sosial (Wan Amizah & Adnan Pitchan, 2017). Malaysia tidak mempunyai sebarang akta khusus berkaitan dengan kawalan media baharu. Antara perundangan yang sering diguna pakai bagi kesalahan-kesalahan berkaitan media baharu ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1988, Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1988, Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Teleperubatan 1997, Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Hak Cipta 1987 Pindaan 2012 dan Akta Hasutan 1948. Akta-akta ini dilihat dapat diaplikasi sekiranya terdapat sebarang bentuk penyalahgunaan media sosial.

Selain itu, kebanyakan jabatan, agensi kerajaan dan swasta di Malaysia mempunyai peraturan kecil yang dikenali sebagai *Dasar Information and Communication Technology (ICT)*. Secara umumnya, dasar tersebut lebih menitikberatkan cara penggunaan dan pengendalian teknologi maklumat termasuklah rangkaian internet. Setiap dasar tersebut mempunyai peraturan kecil penggunaan internet yang boleh dikatakan lebih menjurus kepada kawalan penggunaan internet. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa dalam era teknologi kini, untuk mengimbangi antara kawalan dan kebebasan media bukanlah suatu perkara yang mudah meskipun bagi negara demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan seperti Malaysia (Ruzian et al., 2019).

Masyarakat

Masyarakat, yang juga merupakan pengguna media sosial perlu mengetahui ancaman siber yang berkaitan supaya tidak terjebak dengan kes jenayah dan penipuan di dunia maya. Masyarakat boleh menghadirkan diri dalam mana-mana kempen kesedaran tentang keselamatan media sosial agar mendapat input berkaitan dengan keselamatan media sosial. Program “Klik dengan Bijak” dijalankan bagi melatih penggunaan jaringan secara berkesan merangkumi aspek keselamatan, kesiapsiagaan dan tanggungjawab dalam membanteras masalah penyalahgunaan jaringan (Zakiah & Dalbir Singh, 2018). Oleh itu, masyarakat boleh menyertai kempen kesedaran sekiranya dianjurkan oleh kerajaan mahupun badan bukan kerajaan. Selain itu, masyarakat boleh membuat laporan kepada pihak yang bertanggungjawab sekiranya mendapati sesiapa sahaja melakukan penyalahgunaan media sosial. Ahli masyarakat berperanan menjadi mata dan telinga untuk melaporkan kepada pihak berkuasa jika mengetahui sesuatu yang mencurigakan atau tidak baik dalam media sosial seperti pelacuran atau judi dalam talian melalui aplikasi *WeChat* dan *MiChat*.

Secara umumnya, salah satu golongan pengguna media sosial yang paling ramai adalah golongan belia. Mereka juga tidak ketinggalan untuk terlibat dalam penyalahgunaan media sosial sekiranya tidak diawasi dan dipantau dengan kerap. Ini kerana remaja mudah terjebak dengan jenayah dan masalah sosial yang berpunca daripada penyalahgunaan media sosial. Ibu bapa seharusnya memantau akaun media sosial anak tidak kira di mana mereka berada. Pemantauan dan nasihat perlu diberikan kepada anak tentang kebaikan dan keburukan media sosial, secara tidak langsung akan mempengaruhi nilai kesedaran terhadap cara penggunaan media sosial dengan selamat (Zakiah & Dalbir Singh, 2018). Di samping itu, rakan sekerja atau rakan sebaya turut boleh membantu dengan saling memperingati dan berkongsi maklumat yang tepat mengenai ancaman atau cara pengendalian media sosial dengan selamat. Dengan adanya kesedaran, maka risiko menjadi mangsa siber boleh dikurangkan dalam kalangan pengguna internet (Muhammad Adnan et al., 2019).

Syarikat Media Sosial / Telekomunikasi

Kerjasama antara syarikat telekomunikasi dan media sosial diperlukan dalam menangani isu penyalahgunaan media sosial. Menteri Komunikasi dan Digital, YB Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil menyatakan bahawa semua pengurusan platform media sosial seperti *Meta*, *TikTok* dan *Twitter* memberikan kerjasama kepada kementerian bagi membanteras isu penyalahgunaan media sosial (Ridauddin, 2023). Selain itu, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPJ) telah meminta kerjasama syarikat telekomunikasi dalam menangani isu jenayah siber yang disifatkan semakin membimbangkan di negara ini (Bernama, 2019, 5 Julai). Salah satu perkara yang dilakukan adalah dengan melaksanakan program Awas Media Sosial dan Permainan Dalam Talian (Awaspada). Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada pengguna media sosial dan permainan dalam talian berhubung kesan negatif jika tidak digunakan secara bijaksana dan berhemah. Ini kerana banyak aduan telah diterima oleh kementerian berhubung penyalahgunaan platform media sosial termasuk kes penipuan dalam talian. Usaha ini dilihat dapat mengurangkan isu-isu yang timbul termasuk penyebaran pornografi, penjualan dadah atas talian dan gejala *scammer* (penipuan dalam talian).

Selain itu, sekatan terhadap kandungan yang dikongsi di platform media sosial seperti *Facebook*, *Instagram* dan *TikTok* juga boleh dilaksanakan. Ini kerana kebanyakan pengguna media sosial beranggapan bahawa media sosial adalah satu platform yang bebas dan selamat untuk berkongsi kandungan yang berbentuk provokasi dan kontroversi tanpa menyedari akan kesan terhadap perkongsian tersebut. Maka, media sosial seperti *Facebook* melakukan penapisan terhadap *posting* pengguna sebagai satu strategi kawalan. *Facebook* menyekat frasa-frasa yang mengandungi unsur perkauman (keling, paria), ganas (bunuh diri, foro darah), seksual (rogol, liwat, pornografi) dan hantaran yang melanggar hak cipta (Azahar et al., 2022). Di samping itu, menurut Harian Metro (2023, 13 Februari), sebanyak 197 kandungan dari pelbagai platform media sosial diturunkan kerana melanggar etika. Sebanyak 101 daripada 197 kandungan telah dimuat naik menerusi akaun *TikTok*. Terdapat tiga kaedah yang digunakan oleh platform media sosial untuk menurunkan kandungan iaitu melalui teknologi kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) yang mengesan kandungan secara automatik, menerusi laporan daripada pengguna media sosial dan atas permintaan agensi atau badan penguatkuasaan.

KESIMPULAN

Media Sosial merupakan salah satu 'Media Baharu' yang menjadi medium interaksi sosial masyarakat Malaysia kini. Perkembangan era digital melalui rangkaian sosial tidak dapat dielakkan. Media sosial mempunyai peranan penting kepada masyarakat, khususnya untuk tujuan merapatkan hubungan silaturrahim dengan berkomunikasi sesama mereka walaupun tidak berada secara bersemuka. Di samping itu, dapat dilihat kebergantungan mereka terhadap media sosial sangat tinggi. Perkara ini bersangkut dengan teori Kebergantungan Media bahawa seseorang individu bergantung pada media untuk memenuhi keperluan dan mencapai matlamatnya, tetapi tidak bergantung kepada banyak atau pelbagai media. Maka, tidak hairan jika penggunaan media sosial akan meningkat saban tahun kerana kebergantungan masyarakat yang tinggi terhadap media sosial.

Hakikatnya, kewujudan media sosial dalam masyarakat kini secara sedar mahupun tidak sedar mempunyai impak dan pengaruhnya yang tersendiri sama ada positif mahupun negatif. Impak positif dan negatif yang wujud daripadanya bergantung kepada kebijaksanaan pengguna itu sendiri dalam mengendalikannya. Isu-isu yang wujud melalui penggunaan media sosial seperti buli siber, penyebaran berita palsu atau maklumat palsu, kebebasan bersuara secara keterlaluan, jenayah siber, ketagihan, pornografi dan penggunaan tanpa kawalan adalah cabaran yang perlu dihadapi dengan kewujudan media sosial.

Namun begitu, langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kerajaan, masyarakat dan syarikat-syarikat telco serta pelopor media sosial serba sedikit dapat memastikan pengawasan dan kawalan terhadap penggunaan media sosial dilaksanakan. Di samping itu, masyarakat juga perlu memainkan peranan supaya tidak terjebak dengan penyalahgunaan media sosial yang boleh mengancam keselamatan diri sendiri. Kewujudan media sosial sebagai medium komunikasi memberikan banyak manfaat kepada pengguna, namun pada masa yang sama media sosial turut membawa kepada impak negatif dan ancaman kepada masyarakat. Oleh itu, kebebasan dan kawalan perlu seimbang demi keharmonian masyarakat dan negara.

RUJUKAN

- Abd Hadi, B. (2018). Media baharu dan impak terhadap dakwah. *Sains Humanika* 10 (3-4), 51-60.
- Anis Nur Athira, A., Raudhatul Jannah, A., Nurdamia Khalida, K., & Syed Najihuddin, S. H. (2022). Media sosial sebagai platform penyampaian dakwah: Implikasinya terhadap remaja. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022) JUN 2022*. http://conference.kuis.edu.my/pasak/images/pasak7/eprosiding2022/PASAK7_046_AN IS.pdf.
- Arwansyah, K., Nik Kamal, W. M., Ahmad Hamidi., & Muhammad Deni, P. (2023). Pengaruh media sosial terhadap insomnia dalam kalangan pelajar UTHM Pagoh. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 20(3), 115- 127.
- Astrid, F. H., & Irwansyah. (2021). Era masyarakat informasi sebagai dampak media baru. *Jurnal Teknologi dan Informasi Bisnis*, 3(2), 350-362.
- Azahar, K., Awan, I., & Chamil, W. (2022). Etika dan peraturan media sosial: Kajian sekatan Facebook terhadap media di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7(28), 296-314.
- Bernama. (2019, 5 Julai). *Jenayah Siber: MCPF Minta Kerjasama Syarikat Telekomunikasi*. Bernama. <https://www.kkd.gov.my/en/public/procurement/direct-negotiations-s-result/118-berita-terkini/15333-bernama-05-julai-2019-jenayah-siber-mcpf-minta-kerjasama-syarikat-telekomunikasi>
- Datereportal Digital Global Insight. (2023). *Digital 2023: Malaysia*. <https://datereportal.com/reports/digital-2023-malaysia?rq=%20Malaysia>
- Filyntiana, T. A., Zurinah, T., Jalaluddin, A. M., & Ahmad Rizal, M. Y. (2020). Ketagihan penggunaan media sosial terhadap gaya hidup belia. *Journal of Social Science and Humanities*, 17(9), 126-139.
- Harian Metro. (2023, 13 Februari). *197 Kandungan Media Sosial Langgar Etika Diturunkan*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/02/935851/197-kandungan-media-sosial-langgar-etika-diturunkan-metrotv>.
- Intan Suria, H. (2021). Keselamatan peribadi di Facebook: Ancaman dan penyelesaian. *Jurnal Komunikasi* 37(1), 379-395.
- Ivan, E. S. W., Har, S. L., Lee, K.P., Brian, L. J. C., Chong, X. Z., & Ng, W. K. (2023). Pengaruh media sosial terhadap pembentukan akhlak mahasiswa. *Human Sustainability Procedia*, 3(1), 106-121.
- Mashitah, S., Mohd Nazir, A., Anita, I., & Suhailiza, M. H. (2022). *Pembangunan media sosial baharu dan impaknya terhadap dakwah era digital di Malaysia*. *Seminar Antarabangsa Falsafah, Tamadun, Etika dan Turath Islami (i-STET 2022) 19 Oktober 2022*. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/18462/1/Pembangunan%20Media%20Sosial%20Baharu%20dan%20Impaknya%20Terhadap%20Dakwah%20Era%20Digital%20di%20Malaysia218.pdf>.
- Mega Ardina. (2021). Pengaruh tayangan pornografi di media sosial terhadap perilaku pelecehan seksual pada remaja di Yogyakarta. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 4(2), 218-231.
- Mohammad Rafiuddin, M. A., Sasikumar, K., & Ajmain@Jimaain, S. (2019). *Media sosial dan generasi muda menurut Islam*. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTMI'19) 15 Disember 2019*. http://eprints.utm.my/85049/1/6%20MohamadRafiuddinMohdAzmi2019_MediaSosialdanGenerasiMuda.87-100.pdf.
- Mohd Azul, M. S., & Nurul Madiha, M. I. (2017). Pengalaman dan kesedaran pengguna dewasa terhadap isu pengawasan di media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 502-514.
- Mohd Sobhi, I., Awan, I., Bakri, M., Azahar, K., Shariffah, M., & Norati'qah, T. (2016). Belia dan penggunaan media sosial. *Malaysian Journal of Youth*. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. <http://iyres.gov.my/images/MJYS/2016/MJYS%2015%20Final-151-167.pdf>
- Muhammad Adnan, Siti Zobidah., & Akmar Hayati, A. G. (2019). Amalan keselamatan siber pengguna internet terhadap buli siber, pornografi, E-Mel phishing dan pembelian dalam talian. *Jurnal Komunikasi* 35(3), 212-227.
- Muhammad Musyrif, M., Nurul Aini, M. A., Hanifah, J., Nur Hazirah, N, Mohammad Rasidi, P. (2023). Persepsi pelajar tahun akhir bidang TVET terhadap penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 7(1), 28-41.
- Noradilah, A. W., Najmi, M., & Mohd Sani, I. (2019). Media sosial sebagai medium dakwah masa kini. *International Social Science and Humanities Journal*, 2(1), 14-23.
- Nur Sarida, M. D., & Ahmad Rizal, M. Y. (2022). Memahami jenayah siber dan keselamatan siber di Malaysia: Suatu pemerhatian terhadap pandangan sarjana dan intelektual. *Asia Journal of Environment, History and Heritage*, 6(1), 11-26.
- Nurhamizah, H., & Asbah, R. (2019). Teknologi dan media sosial dalam komunikasi ibubapa dan anak-anak. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 337-352.
- Nurul Afiza, Noor Hera & Kamarul Azmi, J. (2019). Media sosial dan impak negatif menurut Islam. *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia (SSTM 19) 15 Disember 2019*. http://eprints.utm.my/id/eprint/85046/1/3%20NurulAfizaRazali2019_MediaSosialdanimpaknegatif.33-48.pdf.
- Ridauddin, D. (2023). Telegram enggan beri kerjasama kepada Kerajaan Malaysia. *Astro Awani Online*.

- Ruzian, M., Zainatul Ashiqin, Z., & Nurhidayah, A. F. (2019). Literasi perundangan media baharu dalam kalangan belia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 35(3), 372-389.
- Shahrul Nazmi, S., Fauziah, I., Azianura Hani, S., & Nasrudin, S. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi*, 35(4), 101-118.
- Stephanie Juanita, A. (2022). *Media Sosial: Kesan baik dan buruk terhadap masyarakat*. <https://ikram.org.my/media-sosial-kesan-baik-dan-buruk-terhadap-masyarakat/>
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). (2021). *Laporan tahunan SKMM 2021*. <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/Report/Laporan-Tahunan-2021.pdf>.
- Syahrudin, Mahdar, Abdul Sarlan, Asmurti & Muslan. (2023). *Fenomena komunikasi di era virtualitas: Sebuah transisi sosial sebagai dampak eksistensi media sosial*. (2023). Indonesia: CV. Green Publisher Indonesia.
- Syed Mohammad Hilmi, S. A. R., Mohd Anuar, R., Che Zarrina, S., Azah Anir, N., Mohd Anuar, M., & Muhammad Hazim, M. A. (2022). Penggunaan media sosial baharu: Isu-isu dan panduan perspektif Islam. *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 73-96.
- Wan Amizah, W. M., & Muhammad Adnan, P. (2017). Media baharu dan institusi raja di Malaysia: Kes penghinaan raja-raja di media sosial. *Jurnal Komunikasi* 33(1), 406-422.
- Yuni, F. (2021). Pemanfaatan media sosial sebagai media penyajian konten edukasi atau pembelajaran digital. *Journal of Information System, Applied, Management, Accounting, and Research*, 5(4), 1006-1013.
- Zakiah, S., & Dalbir Singh. (2018). Kesedaran pengguna media sosial terhadap keselamatan siber: Kajian kes di kalangan warga German-Malaysian Institute. *Jurnal Teknologi Maklumat dan Multimedia Asia-Pasifik*, 7(2), 111-127.